

19/07/1997

Hun Sen jamin pelaburan Malaysia selamat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan Kemboja hari ini memberi jaminan bahawa kepentingan dan pelaburan Malaysia di negara yang dilanda perang saudara itu, selamat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Pemangku Perdana Menteri, jaminan itu diberikan oleh Perdana Menteri Kedua Kemboja, Hun Sen, dalam sepucuk surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Kerajaan Kemboja yang ada sekarang memberi jaminan kukuh untuk mempertahankan pelaburan asing, khususnya dari Malaysia. Jaminan yang diberikan itu cukup meyakinkan.

"Kerajaan menerima komitmen serta sokongan yang jelas daripada pemimpin Kemboja yang ketika ini sedang cuba menyelesaikan masalah dalaman mereka dengan kerjasama Asean.

"Jaminan dan komitmen yang diberikan oleh kepimpinan negara itu amat jujur. Oleh itu, saya tidak nampak sebarang masalah dalam masa terdekat ini dan jangka panjang bagi pelaburan kita di sana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan upacara pecah tanah bangunan ibu pejabat korporat FACB Berhad yang berharga RM500 juta di sini, hari ini. Turut hadir, Presiden dan Ketua Eksekutif FACB Berhad, Tan Sri Dr Chen Lip Keong.

Malaysia adalah pelabur asing terbesar di Kemboja dengan anggaran pelaburan sekitar RM6 bilion dalam sektor meliputi prasarana, perbankan dan telekomunikasi, janakuasa dan tekstil.

Antara pelabur utama ialah Malayan Banking Bhd, FACB Berhad, pengeluar tenaga bebas YTL Corporation Bhd, syarikat pembinaan Sunway City Bhd dan pengusaha stesen minyak Petronas Dagangan Bhd.

FACB Berhad saja bercadang melabur kira-kira RM1.3 bilion bagi membangunkan sebuah lapangan terbang dan pusat perangan di Sihanoukville.

Beberapa penganalisis berkata, krisis Kemboja akan memberi kesan terhadap pelaburan dari Malaysia dan kemungkinan besar syarikat terbabit mungkin mengkaji semula kedudukan mereka di sana.

Hun Sen menyingkirkan Perdana Menteri Pertama Kemboja, Norodom Ranariddh dalam satu rampasan kuasa berdarah awal bulan ini. Keganasan yang berlaku di sekitar Phnom Penh membimbangkan ramai pelabur berhubung masa depan mereka.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kadang kala perkembangan di negara lain boleh menyebabkan operasi yang sedang berjalan lancar terbantut, dengan memberi contoh pelaburan raksasa FACB di Kemboja.

Sehubungan itu, menurut Timbalan Perdana Menteri, kerajaan mengalu-alukan jaminan Kemboja kerana ia memberi harapan bukan saja kepada kepentingan syarikat Malaysia, tetapi membantu memulihkan ekonomi negara itu sendiri.

"Saya rasa FACB tidak harus bimbang kerana jaminan Kerajaan Kemboja cukup meyakinkan ... walaupun saya faham sentimen pasaran ini mudah 'lemah jantung'.

"Saya buat kenyataan ini berdasarkan maklumat dan fakta oleh Kerajaan Kemboja, bukan berdasarkan analisis pakar pasaran dan ekonomi. Ia berdasarkan maklumat dan jaminan diberikan termasuk apa yang diutuskan oleh Hun Sen kepada Dr Mahathir," katanya.

Projek bangunan ibu pejabat korporat FACB membabitkan pembangunan bercampur di Jalan Ceylon, tidak jauh daripada kompleks Bursa Saham Kuala

Lumpur (BSKL) yang baru.

Ia membabitkan menara kondominium berkembar setinggi 41 tingkat dan menara pejabat dan hotel setinggi 49 tingkat.

(END)